

Buletin

Muharram-Safar 1444/ Ogos 2022

ACIS

**Merdekakah Generasi Kita
daripada Belenggu “Gajet”?**

**Hakikat Kemerdekaan Bagi
Keluarga Malaysia**

**Ringkasan Buku: Falsafah
MIM (۩) UiTM**


**Inilah Harapan dan
Cita-Cita Kita**

Merdekakah Kita

**Walau Kita Berbeza Tetap
Teguh Bersama**



#KELUARGA
MALAYSIA
TEGUH BERSAMA



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Nasif Sidquee Pauzi
Husnul Rita binti Aris
Nur Sofiah binti Suhaimi
Napishah Osman
Minah Ahmad

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan artikel
akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke
bulletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-46** yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan “**Hari Kebangsaan yang ke-65**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Merdekakah Generasi Kita daripada Belenggu “Gajet”? **3**

Hakikat Kemerdekaan Bagi Keluarga Malaysia **5**

Ringkasan Buku: Falsafah MIM (✓) UiTM **6**

Inilah Harapan dan Cita-Cita Kita **7**

Merdekakah Kita **8**

Walau Kita Berbeza Tetap Teguh Bersama **9**

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Merdekakah Generasi Kita dari pada Belenggu “Gajet”?

Oleh:

Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Boleh dikatakan setiap orang pada hari ini pasti memiliki peranti telefon pintar. Bermula daripada kanak-kanak sehingga orang dewasa semuanya menggunakan telefon pintar ataupun peranti-peranti yang lain seperti tablet, i-pad dan pelbagai jenis peranti lagi yang berfungsi untuk memudahkan urusan harian manusia. Seperti pisau yang digunakan untuk memotong benda dan boleh juga mencederakan manusia, pastinya peranti-peranti yang ada ini memiliki sisi positif dan negatifnya yang tersendiri.

Telefon pintar atau peranti-peranti ini telah mengambil alih hampir keseluruhan tugas-tugas peralatan lain. Jika dahulu untuk mengambil gambar kita memerlukan kamera dan filem tetapi kini tidak lagi, cukup dengan telefon pintar yang ada di tangan sudah dapat mengambil gambar, bahkan video dan pelbagai lagi kegunaannya telah menyebabkan manusia pada hari ini sememangnya bergantung sepenuhnya dengan gajet.

Namun sedarkan kita bahawa semakin hari manusia semakin bergantung dengan gajet ini. Bayangkan jika telefon pintar kehabisan bateri, banyak perkara menghalang kita untuk bergerak dan menyempurnakan tugas. Aplikasi Google Maps atau Waze yang kita gunakan untuk mencari arah sudah tidak dapat lagi digunakan. Manakala bagi mereka yang melakukan tugas-tugas menggunakan aplikasi WhatsApp yang dipaparkan di komputer riba atau komputer desktop juga tidak dapat meneruskan aktiviti harian jika telefon pintar kehabisan bateri.

Anak-anak yang pada zaman dahulu bebas bermain di luar rumah kini dibelenggu gajet yang akhirnya menghasilkan generasi yang tidak bersosial. Kesan daripada meluangkan masa dengan jangka waktu yang lama dengan gajet telah melahirkan generasi yang “kaku”, tidak beradab dan kurang kesesuaian apabila berkomunikasi dengan orang lain. Kebebasan di alam maya telah melahirkan generasi yang bertindak meluahkan segala-galanya di ruang media sosial. Ada yang menggunakan bahasa yang kesat apabila memberi komen, ada yang merendahkan dan memperlekeh pihak lain di alam maya.

Kita dapat melihat situasi pada hari ini, di kedai-kedai makan dimana pengunjungnya walaupun duduk semeja masing-masing disibukkan dengan telefon pintar.

Tiada lagi interaksi sosial yang berlaku semasa menikmati hidangan makanan. Ibu bapa pula ramai yang mengambil jalan pintas dengan memberikan kepada anak-anak supaya tidak bising dan dapat dikawal dengan mudah. Malahan di rumah juga terkadang tiada interaksi antara ahli keluarga kerana setiap ahlinya terleka dengan telefon pintar yang berada di tangan.

Di sebalik manfaat yang begitu banyak diperolehi daripada kemudahan-kemudahan aplikasi ini, tidak dinafikan kemudaran dan keburukannya juga banyak. Terdapat kesan negatif yang dikatakan berlaku kepada golongan muda antaranya ketagihan internet. Bagi golongan muda yang sentiasa menggunakan gajet, ketagihan ini sangat membimbangkan. Satu soal selidik yang dilakukan menyatakan bahawa tujuh daripada 10 remaja mengalami ketagihan internet (Saidi, 2022).

Laporan akhbar The Edge menyatakan bahawa secara purata rakyat Malaysia menghabiskan masa selama 141 hari sepanjang tahun untuk melayari internet. Ini menjadikan purata seorang rakyat Malaysia melayari internet setiap hari adalah selama sembilan jam 18 minit. Masa yang diluangkan untuk melayari media sosial pula adalah tiga jam satu minit sehari menjadikan jumlah setahun adalah sebanyak 46 hari. Malaysia berada di tangga keenam dalam 10 negara yang paling lama meluangkan masa di hadapan skrin (Murugiah, 2022).

Mungkin inilah yang dikatakan penjajahan tanpa sedar yang berlaku ke atas generasi kita pada hari ini. Dalam keadaan kita berbangga dengan kemerdekaan yang dicapai, negara telah dapat ditadbir sendiri, pendidikan mengikut acuan sendiri tetapi kita terlupa yang gajet telah mula menguasai kita. Jika suatu ketika dahulu budaya-budaya asing yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran dapat kita halang, kini budaya-budaya tersebut dengan mudah masuk menyerap ke minda generasi kita tanpa kawalan.



Keadaan ini mengingatkan kita kepada peringatan yang Allah nyatakan dalam surah al-Asr yang membincangkan tentang masa. "Sesungguhnya manusia berada dalam kerugian". Tanpa kita sedari kita telah dilekakan dengan gajet yang membelenggu kita. Apakah manfaatnya kita menghabiskan berjam lamanya dengan gajet kita? "Kecuali yang beriman dan beramal soleh, dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran". Allah mengingatkan kita agar tidak terleka dengan masa yang diberikan.

Bagi mengatasi masalah ini, wajar untuk kita merujuk kepada panduan ilmuwan Islam dalam mengurus masa yang Allah kurniakan kepada kita. Imam al-Syafie sebagai contoh membahagikan masa malamnya kepada tiga bahagian iaitu 1/3 untuk menelaah dan menulis, 1/3 untuk beribadah dan 1/3 lagi untuk tidur. Imam al-Nawawi pula memanfaatkan harinya untuk belajar 12 mata pelajaran termasuk mengulangkaji, menulis dan membaca. (Razif, 2016). Inilah beberapa contoh yang perlu kita ikuti bagi memastikan kita tidak terjerumus ke dalam golongan "manusia yang berada dalam kerugian".

Sempena hari kemerdekaan Malaysia yang ke-65 pada tahun ini sama-sama kita menghayati erti kemerdekaan dengan meningkatkan kualiti masa hidup kita seharian. Luangkanlah masa bersama keluarga, tingkatkan ilmu dengan pembacaan, lakukan aktiviti fizikal yang bermanfaat untuk kesihatan dan rancanglah masa dengan bijaksana. Rasulullah SAW berpesan dalam sabdanya yang bermaksud: "Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang."

Rujukan

- Murugiah, S. (2022, January 28). The Edge Markets. Retrieved from <https://www.theedgemarkets.com/article/average-malaysian-spends-141-days-year-browsing-internet>
- Razif, M. (2016, November 21). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved from Al-Kafi li al-Fatawi ke-460: Panduan Ulama Dalam Pengurusan Masa bagi Penuntut Ilmu: <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1848-al-kafi-li-al-fatawi-ke-459-panduan-ulama-dalam-pengurusan-masa-bagi-menuntut-ilmu>
- Saidi, N. e. (2022). Relationship Between Stress and Lifestyle with Internet Addiction among Z Generation. Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts, 452-459.



Hakikat Kemerdekaan Bagi Keluarga Malaysia

Oleh:

Husnul Rita Binti Aris

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Beberapa hari yang lepas, negara kita Malaysia telah menyambut sambutan Merdeka ke-65. Pelbagai persediaan telah dibuat untuk menyambut hari yang bersejarah tersebut. Pelbagai peringkat umur, kaum dan bangsa, pekerja dalam pelbagai perkhidmatan, pelajar-pelajar sekolah dan lain-lain lagi telah menyumbangkan tenaga untuk menjayakan pelbagai pertunjukan, tarian, perarakan, perbarisan sempena menyambut hari Kemerdekaan ke-65 setelah 2 tahun menghadapi pandemik covid -19 ini. Kemeriahannya tersebut telah dijayakan hampir 20,000 para peserta daripada pelbagai kontinjen tahun ini dengan gilang-gemilangnya. Temanya ialah 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama'. Dalam senyap-senyap, kita harus berfikir adakah ini semata-mata erti kemerdekaan yang disambut?

Apabila kita merenung semula erti kemerdekaan, ia ada maksud tersirat dan tersurat. Kemerdekaan hari ini yang kita sambut sekarang ini lebih kepada tanda kegembiraan kita kerana negara kita telah diberikan kemerdekaan oleh British daripada terus dijajah secara fizikal. Namun hakikatnya, terdapat kesan-kesan penjajahan yang masih terbelenggu dalam pemikiran, budaya, sistem undang-undang, sistem sosial, sistem pendidikan, sistem pentadbiran dan lain-lain lagi tanpa kita sedari.

Jika kita mengimbau kembali, matlamat penjajah yang menjajah negara kita dahulu yang dikenali sebagai Tanah Melayu atau Malaya, lebih kepada untuk menyebarkan jarum-jarum ideologi pegangan mereka seperti Sekularisme, Racionalisme, Komunisme, Liberalisme, Kristianisme dan pelbagai lagi. Ideologi-ideologi pegangan mereka mulai tersebar dan terikut sedikit demi sedikit sehingga pada zaman ini apabila kita perhatikan bahawa ia telah menjadi barah dalam kehidupan manusia terutama kepada umat Islam hari ini dan menjadi budaya dalam kehidupan. Ini menyebabkan umat Islam kini ramai yang beragama Islam namun, segelintir antara mereka kurang faham tentang Islam dan pegangan yang mereka anuti. Ini menyebabkan masih banyak masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat seperti berzina, membunuhan, rasuah, mendedahkan aurat, membuang bayi dan lain-lain lagi. Di manakah salahnya?



Kadangkala kita terfikir, kenapa pemimpin negara kita kurang atau tidak langsung memperingatkan kita tentang tanggungjawab manusia terhadap Allah? Kenapa asyik dipasangkan hanya semata-mata kepada kemajuan negara dan pembangunan negara semata-mata? Kenapa tidak dingat tentang kehidupan akhirat yang kekal abadi kepada umat Islam? Kenapa tidak diingat tentang tanggungjawab sebagai pemimpin? Kenapa tidak diperingat tentang tanggungjawab terhadap Allah dan agama Islam walaupun pada hakikat agama Islam menjadi agama rasmi Malaysia? Kenapa hanya guru sahaja terutama guru agama yang memperingat tentang agama Islam dan tanggungjawab? Padahal hakikatnya, pemimpin menjadi idola kepada masyarakat yang patut dicontohi. Pemimpin sekarang seolah-olah hanya memikirkan kesenangan dunia semata-mata tanpa dikaitkan dengan akhirat dalam balasan di syurga yang penuh nikmat dan neraka yang penuh azab. Di manakah kepercayaan kepada Allah dalam sistem pentadbiran, di manakah kepercayaan kepada Allah dalam sistem sosial, di manakah kepercayaan kepada Allah dalam sistem pendidikan yang bukan sahaja semata-mata dalam mata pelajaran pendidikan Islam sahaja, sepatutnya dalam semua mata pelajaran dikaitkan tentang kepercayaan kepada Allah. Perkara ini apabila direnung semula ia dikaitkan dengan pembuangan kepercayaan kepada Allah dalam seluruh sistem kehidupan manusia itu sendiri sehingga wujud sistem Sekularisme yang menjadi barah tahap akhir tanpa kita sedari! Sistem...Sistem...Sistem... yang mengikut selera manusia bukan mengikut perintah Allah yang sebenar.

Sepatutnya kemerdekaan yang harus kita sambut adalah kemerdekaan kita daripada sistem perhambaan manusia sesama manusia. Kita patut sedar bahawa perhambaan kita, pemikiran kita, budaya kita seharusnya tidak lari daripada asas utama tujuan hidup kita sebagai hamba Allah bukan hamba manusia. Perhambaan kita adalah dengan mematuhi segala perintah Allah bukan dengan mematuhi perintah manusia yang tiada asas sebenar ataupun sumber daripada Pencipta sebenar manusia. Manusia menjadi keliru apabila tidak dapat membezakan arahan siapa patut dan wajib diikuti kerana telah ditakut-takutkan dengan siapa tidak ikut undang-undang manusia akan dikenakan tindakan. Namun demikian, perintah Allah yang telah Allah aturkan dalam sistem kehidupan manusia hampir lenyap dan hilang ditelan zaman sistem Sekularisme kini. Natijah sistem Sekularisme ini, pelbagai masalah berlaku apabila manusia tidak memasukkan kepercayaan kepada Allah dalam pelbagai sistem kehidupan manusia di dunia ini.

Ringkasan Buku: Falsafah MIM (ء) UiTM

Oleh:

Nur Sofiah binti Suhaimi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari
(ACIS),UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Profesor Emeritus Tan Sri Ibrahim Abu Shah merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah dilantik bagi tempoh tiga tahun bermula 18 Januari 2021 hingga 17 Januari 2024. Beliau merupakan anak kelahiran Melaka yang sebelumnya telah berkhidmat dan menabur bakti sebagai Naib Canselor Kedua UiTM bagi tempoh sembilan tahun (1 Januari 2001 – 31 Disember 2009).

Pada tahun 2007, beliau telah menghasilkan sebuah karya yang berjudul 'Falsafah Mim: Membina Minda Melayu'. Buku ini mempunyai 92 muka surat dan terdiri daripada 6 bahagian, iaitu bahagian pertama: Falsafah MIM, Satu Catatan, bahagian kedua: 50 MIM: [M]embina [M]inda [M]elayu, bahagian ketiga: Laman dan Arca MIM, bahagian keempat: Perjuangan MIM di UiT[M], bahagian kelima: UiT[M] [M]embina Bangsa [M]elayu dan bahagian terakhir, perasaan.


Buku ini menukilkan rasa kekecewaan, hasrat dan harapan seorang anak watan dalam usaha mengembalikan maruah dan kegemilangan bangsanya. Bangsa Melayu. Hal ini digarap dengan baik menerusi coretan bait-bait kata daripada penulis, bapa penulis sendiri seorang insan yang telah menitipkan semangat juang untuk membangun bangsa serta pemimpin-pemimpin negara yang amat kasihkan bangsanya.

Buku ini membawa para pembaca untuk kembali menoleh bagaimana kedudukan bangsa ini telah hilang nilai jati diri secara beransur-ansur sama ada kita sedari ataupun tidak. Nilai dan keupayaan dalam menimbang yang baik dan buruk serta keutamaan yang semakin terhakis. Perkara ini boleh dilihat menerusi petikan berikut:

"Bangsa Melayu akan melatah jika dituduh tidak Islamik tetapi tidak pula malu apabila dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah, menyalahgunakan kuasa, dadah dan melakukan sumbang mahram. Alah – tanpa segan silu – melihat tindak-tanduk yang jauh menyimpang daripada kebenaran sebagai satu tindakan yang tidak bersalah. Mereka masih boleh bergelak ketawa di khalayak ramai.

Malah saya paling sedih dan gelisah apabila melihat bangsa Melayu sendiri menjadi begitu 'bodoh dan dungu' dipergunakan oleh bangsa lain untuk bergaduh sesama sendiri dalam isu-isu yang melibatkan pembangunan khusus untuk bangsa Melayu. Pemikiran mereka menjadi begitu sempit sehingga hanya mampu melihat kepentingan kawasan yang ditadbir tanpa mampu melihat isu survival bangsa Melayu secara keseluruhan"

(Profesor Emeritus Tan Sri Ibrahim Abu Shah, 2007, hlm. 11)



50 MIM: Membina Minda Melayu

Usaha dalam mengembalikan Melayu terbilang digerakkan atas prinsip mengubah paradigma minda Melayu yang acap kali dimomokkan dengan konotasi negatif dengan kepelbagaiannya nilai-nilai murni. Pejuangan ini demi kemajuan bangsa untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi setanding bangsa-bangsa ternama di dunia tanpa memusuhi maupun menjatuhkan mana-mana bangsa dalam usaha murni ini. Falsafah 50 MIM telah dibentuk oleh penulis bersempena 50 tahun merdeka dimana ia telah turut dirakamkan menerusi 'arca MIM' yang menjadi mercu tanda perjuangan bangsa institusi pengajian tinggi, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Falsafah 50 MIM yang dimaksudkan dinyatakan seperti berikut. Pertama, Melayu, diikuti dengan Mukmin, Modal, Masa, Malim, Merdeka, Maruah, Matlamat, Maksum, Mahmudah, Mulia, Murni, Mesra, Muafakat, Makmur, Muhibah, Musyawarah, Maklumat, Mahir, Manfaat, Mandat, Menang, Minda, Moden, Martabat, Mara, Maju, Minat, Mewah, Munasabah, Matang, Megah, Masyhur, Misi, Merit, Mutu, Mercu, Mangkin, Mantap, Maya, Mega, Motivasi, Mustahak, Muhasabah, Menara, Mentor, Mestiika, Mapan, Mekar dan Marak.

Akhir kata, nasib bangsa Melayu hari esok bergantung kepada anak Melayu hari ini. Jatuh bangun bangsa Melayu perlu sama dipikul. Bukanlah bangsa lain yang perlu direndahkan untuk membangun bangsa sendiri, bukan juga mereka dipersalahkan dek kemunduran bangsa pertiwi. Ayuh bangkitlah Melayu, pasakkkan akidahmu dan melangkahlah dengan limpahan budimu. Allah berfirman maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".

(Surah Ar-Ra'd: ayat 11)

Inilah Harapan dan Cita-Cita Kita

Oleh:

Napishah Osman

Ahli Aktif Pertubuhan IKRAM Negeri Sembilan

Inilah bumi bertuah negara indah,
Ladang petani, lautan nelayan,
Mencari hasil bumi,
Menebarkan rezeki,
Para pejabat mencipta misi dan visi,
dan bekerja demi memenuhi tuntutan institusi.

Inilah bumi bertuah negara indah,
Suatu masa menjadi tumpuan dagang, cendekia dan
senteri,
Kapal berlabuh penuh muatan,
Gudang-gudang besar berganti barang,
Hasil-hasil bumi menjadi tumpuan negara dunia,
dan dipanggil harimau ekonomi Asia.
Di menara gading,
para mahasiswa asyik menuntut ilmu,
Para cendekia dan senteri menekuni pelbagai bidang
kajian.

Entah mengapa...
Walau tiada garuda menyerang watan,
Walau tiada raksasa merempuh kota,
Langit negara kini diselaputi awan kelam.

Namun kata orang;
Kalau sudah hujan di Hulu;
mana akan jernih pula di Kuala.

Sukarnya kini untuk bapa-bapa,
membawa pulang pendapatan,
Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang,
Hati berdebar-debar menunggu untuk sebulan.

Dijalan-jalan raya asap padat menyendat nafas,
datangnya dari mesin-mesin penghantar,
Anak-anak muda matangnya di jalanan...
bukan di menara gading...
Kata mereka... "Tidak akan mahu membebankan ibu
bapa tercinta,
tambahan lagi...buat apa membuang masa;
Kalau imbuhanya secebis cuma..."

Namun...

Inilah harapan kita...
Pantang undur sebelum berjuang,
Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Inilah cita-cita kita...

Masyarakat madani yang beramal,
Cergas fizikal bijak bertindak,
Berhati waja tempuh segala kesukaran,
Jangan asyik memangku tangan, nanti mati dalam
angan-angan,
Hilangkan mentaliti subsidi dari jiwa.

Inilah cita-cita kita...

Generasi muda yang mengataskan ilmu pengetahuan,
kerana....Allah meninggikan darjat orang-orang yang
berilmu atas,
orang-orang beriman beberapa darjat (Mujadalah:11),
Menuntut ilmu bukan sekadar inginkan imbuhan,
Menuntut ilmu bukan kerana pangkat dan gelaran,
Kepada watan,
Generasi bijaksana akan membawa kemakmuran dan
kesejahteraan.

Inilah cita-cita kita...

Setiap rakyat diraikan sebaik-baiknya,
Kemakmuran negara nikmati bersama,
Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah,
Di mana bumi dipijak, di situ langit di junjung,
Walau kita berbeza, tetap **teguh bersama**.

Inilah cita-cita kita...

Jadilah rakyat yang tidak cemerlang,
dalam memacu hala tuju negara,
Generasi kompeten dan berwibawa,
Mempunyai sikap akauntabiliti,
Agar negara dapat bersaing dalam era globalisasi.

Inilah bumi bertuah negara indah
Adat rakyat,

Air setitik jadikan lautan, tanah segenggam jadikan gunung.
Adat penghulu,
berpandang luas beralam lapang.
Beruntunglah orang-orang yang ikhlas menafkahkan
keringatnya,
membina watan tercinta...
kerana Rahmatan lil Alamin menyebar kepada sesiapa sahaja,
yang akur akan syariat-Nya.

Merdekakah Kita

Oleh:

Minah Ahmad

Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar

Merdekakah kita?
Merdekakah kita?

Tatkala rakyat mengikat perut merana,
Angkara kerakusan pemimpin durjana!
Anak kecil menangis bukan kerana ayah tak cakna,
Ayah kehilangan kerja tak pasti menuju ke mana!

Negara tidak lagi jadi sasaran pelabur,
Semuanya lari kerana masa depan yang kabur,
Demokrasi terkubur,
Janji manis ditabur,
Rasuah dihulur buat mereka yang tidak jujur.

Mana mungkin rakyat terpimpin,
Jika ketuanya tidak prihatin,
Berapa ramai B40 M40 yang miskin,
Tapi masih menjulang,
Malu apa Bossku sebagai pemimpin?

Di mana harga diri rakyat marhaen,
Mandat diberi pemimpin mempermain,
Tiada rasa empati dan prihatin,
Umpama menonton tayangan di skrin.

Merdekakah kita,
Jika jiwa masih meratah,
Harta negara modal rasuah,
Tak habis bicara 1MDB,
Menyusul LCS kapal marin yang entah di mana...

Marilah kita berdoa,
Moga Malaysia menjadi negara Merdeka,
Tangan disambut negara menyahut,
Rakyat terbina negara dijulang,
Dengan harapan dan semangat,
Walau kita berbeza,
Namun tetap teguh bersama.



Walau Kita Berbeza Tetap Teguh Bersama

Oleh:

Minah Ahmad

Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar

Walau kita berbeza,
Teguh kita bersama.

Walau kita berbeza,
Warna kulit dan rupa,
Namun tiada sengketa,
Menghantui kita,
Hidup harmoni berabad dirasa,
Kasih sayang melimpah di bumi bertuah.

Walau kita berbeza,
Bahasa dan budaya,
Komunikasi kita akrab meruntun jiwa,
Bersama kita bangunkan negara,
Ikrar padu melaungkan rukun negara,
Rahmatan lilalamin diangkat mulia.

Walau kita berbeza,
Citarasa dan tradisi,
Kita tidak menolak subsidi,
Pemberian ikhlas dihargai,
Keadilan asas justifikasi,
Semoga sejahtera harmoni.

Walau kita berbeza,
Penghuni desa dan kota,
Matlamat kita senada,
Merdeka anak bangsa,
Berdiri teguh megah,
Berkibar bendera Malaysia.

Walau kita berbeza,
Semangat kita sama,
Menjulang maruah bangsa,
Jati diri semangat waja,
Darah pemuda mengalir sasa,
Kita anak Malaysia berjiwa pendekar.

